

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 13.06.2025 MASA: 10.30AM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM SEBERANG PERAI 8R EXPLORACE DI
VISION PARK, KEPALA BATAS**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**21 JUN 2025 (SABTU)
8.00 PAGI**

**VISION PARK, KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap
Penyelaras Majlis Perasmian Program Seberang Perai 8R
Explorace

Ketua-Ketua dan Pengawai-Pengawai Jabatan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Program Seberang Perai 8R Explorace Di Vision Park, Kepala Batas.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setulusnya kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan komitmen dalam penganjuran program ini, terutamanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Syarikat GRN, Greenviro, Unit *Upcycle* MBSP, Unit Kebun MBSP, Komuniti *Upcycle* Kepala Gajah, Vico, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta serta semua yang hadir hari ini. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan merupakan manifestasi komitmen bersama yang menyuntik dimensi baharu melalui pendekatan kolaboratif dalam memacu agenda kelestarian bandar.
3. Program ini adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif berimpak tinggi yang dibiayai melalui geran khas di bawah KPKT bagi pelaksanaan Program Kemampunan Komuniti Bandar (PKKB) 2025.

Program ini digerakkan dengan matlamat utama untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan amalan kelestarian alam sekitar melalui pendekatan 8R, menggalakkan kerjasama berpasukan dalam kalangan peserta pelbagai latar belakang serta menyemai budaya tanggungjawab sosial terhadap penjagaan alam sekitar dalam suasana yang menyeronokkan dan interaktif.

4. Pertandingan Seberang Perai 8R Explorace ini terbuka kepada dua (2) kategori penyertaan, iaitu kategori kakitangan MBSP dan kategori Orang Awam, dengan jumlah keseluruhan 40 kumpulan, di mana setiap kumpulan terdiri daripada lima (5) orang peserta. Pertandingan ini mengetengahkan konsep explorace yang kreatif dan mencabar, di mana setiap kumpulan akan melalui pelbagai *checkpoint* dengan cabaran berdasarkan konsep 8R, iaitu: *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle*.
5. Sebagai insentif yang menggalakkan penyertaan aktif dan semangat bersaing secara sihat, hadiah berupa wang tunai disediakan kepada sepuluh (10) kumpulan terbaik bagi setiap kategori yang dipertandingkan. Di samping itu, sijil penyertaan turut diberikan kepada semua peserta sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan penglibatan mereka. Diharapkan insentif ini dapat menyuntik semangat, kreativiti dan kerjasama dalam kalangan peserta selaras dengan aspirasi kelestarian komuniti Seberang Perai.

6. Selain pertandingan, program ini turut menawarkan pelbagai pengisian bermakna seperti pameran aset kenderaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, pemeriksaan kesihatan secara percuma oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta pameran pendidikan alam sekitar yang interaktif daripada pelbagai agensi dan rakan strategik.
7. Sesungguhnya, Program Seberang Perai 8R Explorace ini mencerminkan kesungguhan kita dalam menerapkan nilai-nilai kemampunan sejajar dengan prinsip Matlamat Pembangunan Mampan - *Sustainable Development Goals* (SDG), khususnya SDG 4 – Pendidikan Berkualiti, SDG 3 – Kehidupan Sihat dan Sejahtera, serta SDG 11 – Bandar dan Komuniti Mampan.
8. Justeru itu, semua pihak diharap dapat terus menggerakkan pendekatan yang holistik dalam pengurusan sisa dan alam sekitar, serta menyokong usaha MBSP dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif dan pintar, sebagaimana yang dihasratkan dalam visi MBSP.
9. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga segala ilmu, pengalaman dan nilai yang diperoleh sepanjang program ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian, seterusnya menjadi inspirasi kepada lebih ramai pihak untuk terlibat dalam usaha

melestarikan alam sekitar secara berterusan. Jadilah pengguna yang bertanggungjawab demi generasi akan datang.

10. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Seberang Perai 8R Explorace di Vision Park, Kepala Batas.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.